

TEKS UCAPAN

PROFESOR DATUK TS. DR. MASSILA BINTI KAMALRUDIN

NAIB CANSELOR UTeM

Majlis Penyerahan Watikah MPP UTeM Sesi 2023/2024

DAN

Penghargaan MPP UTeM Sesi 2022/2023

اویوچر سیپی تیکنیکل ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

14 Mei 2024, Grand Swiss-Belhotel, 9.00 Pagi

Terima Kasih Saudara/i Pengacara Majlis,

Profesor Ir. Ts. Dr. Ghazali Bin Omar

Penolong Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Profesor Dr. Zulkifilie Bin Ibrahim

Penolong Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Profesor Madya Datuk Dr. Sabri Bin Mohamad Sharif

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti

Yang dihormati barisan Kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar UTeM sesi 2023/2024 yang diketuai oleh Saudara Muhammad Haikal Johari, selaku Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar bagi sesi 2023/2024 bersama barisan MPP yang baru dilantik.

Hadiri hadirat sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera



اوینیزه سیتی تکنیکل ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

1. Alhamdulillah segala puji bagi Allah kerana dengan rahmat dan izin-Nya pada pagi ini, kita dapat dipertemukan dalam Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar UTeM bagi sesi 2023/2024 dan Penghargaan Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2022/2024.
2. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pejabat Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama pihak Fakulti kerana telah menjalankan tanggungjawab untuk memastikan pemilihan MPP yang dikendalikan tempoh hari berjalan dengan baik tanpa ada insiden yang tidak diingini berlaku.
3. Dikesempatan ini, saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar UTeM sesi 2022/2023 yang telah diterajui oleh Saudari Norma binti

Badrul Hisham bersama barisan Exco beliau. Sesungguhnya pihak universiti amat berbangga dengan khidmat bakti dan sokongan yang diberikan dalam membantu pihak Pengurusan menyelesaikan beberapa isu yang pada masa kini dapat ditangani secara telus dan efektif.

4. Diharapkan mantan MPP dan barisan Exco telah memperoleh pengalaman yang dapat dimanfaatkan sepenuhnya dalam meniti kehidupan masa hadapan. Kongsikanlah pengalaman berharga ini dan kaedah pengurusan terbaik yang pastinya akan diteladani oleh barisan kepimpinan MPP yang baharu.
5. Di kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jawatankuasa Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (JPMPP) dan Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (TNC HEPA) dengan kerjasama pihak Fakulti

dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Pilihan Raya Kampus yang dikendalikan pada 20 Mac lepas.

6. Saya difahamkan sejumlah 85.93% mahasiswa yang terlibat dalam proses membuang undian Pemilihan Majlis Pewakilan Pelajar (PMPP) yang lepas. Saya mengucapkan tahniah kepada semua yang terlibat.
7. Manakala peratusan pelajar yang keluar mengundi mengikut fakulti adalah seperti berikut, FTKM (75.43%), FTKIP(86.80%), FTKE (88.30%), FTKEK (91.62%), FPTT (91.82%), FTMK (94.79%), dan SPS (22.89%) menjadikan peratusan pelajar keluar mengundi adalah 10,861 daripada 13,467 pelajar. Tahniah diucapkan kepada Fakulti FTMK kerana telah mencatatkan peratusan pelajar mengundi

tertinggi. Kesedaran untuk menjalankan tanggungjawab ini masih perlu diteruskan lagi di masa hadapan dan diharapkan pada tahun hadapan peratus pelajar keluar mengundi akan lebih meningkat naik.

8. Hasil keputusan PMPP yang lepas, maka saudara saudari yang berada di hadapan saya inilah yang telah meraih kepercayaan daripada rakan-rakan anda untuk menggalas amanah sebagai barisan MPP kali ini bagi menyuarakan idea serta berkongsi pandangan yang sangat diperlukan oleh pihak Pengurusan Universiti. Syabas dan tahniah diucapkan!

Saudara Saudari Sekalian,

9. Ingin saya kongsikan sedikit fakta berkenaan MPP secara ringkas. Majlis Perwakilan Pelajar ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Fungsi utama penubuhan MPP adalah untuk menjadi agen perantara antara dua pihak, iaitu pihak Pengurusan Universiti dan pihak pelajar khususnya berkaitan dengan kebijakan dan keperluan pelajar. Ia juga menjadi bahan yang bertanggungjawab dalam merancang dan mengendalikan pelbagai aktiviti yang berfaedah bagi mewujudkan suasana kehidupan pelajar Universiti yang lebih ceria dan harmonis.

10. Saya juga menyeru agar saudara dan saudari memperuntukkan sedikit masa untuk membaca Perlembagaan UTeM, P.U. (A) 470 yang boleh dimuat turun dari laman sesawang UTeM dan merujuk kepada Seksyen 57 yang menerangkan secara jelas berkenaan Majlis Perwakilan Pelajar.
11. Saya percaya bahawa saudara dan saudari juga sudah sedia maklum akan tanggungjawab dan peranan besar yang perlu dimainkan. Saya berharap agar peranan dan fungsi saudara dan saudari dapat menjadi penghubung erat antara pihak Universiti dan pelajar dalam mengurus tadbir Universiti yang kita kasih ini.

12. Masyarakat kampus mahukan ahli-ahli perwakilan yang dipilih dari kalangan mereka yang mampu menggalas peranan dan tanggungjawab sebagai pemimpin pelajar yang berkaliber serta tidak lupa tugas sebenar masing-masing datang ke Universiti untuk menimba ilmu dan peroleh kejayaan.
13. Semangat musyawarah dan muzakarah harus dijadikan amalan baik MPP dalam meneruskan agenda kebaikan pelajar. Tidak perlu menggunakan demonstrasi dan memecahbelahkan pelajar yang akhirnya hanya akan merugikan diri saudara dan saudari sendiri.

14. Pihak universiti sentiasa membuka ruang bagi MPP untuk menyampaikan pandangan melalui saluran yang betul dan berhemah. Saya berharap agar perkara-perkara yang boleh menjelaskan reputasi pelajar dan imej Universiti sentiasa menjadi perhatian dan ingatan pelajar agar ianya tidak berlaku.
15. Akhir kata, jika terdapat sebarang masalah dana pengurusan, tanya dan rujuklah kepada mereka yang berpengalaman, rujuklah Pejabat Hal Ehwal Pelajar malah boleh terus kepada Pejabat Naib Canselor. Semoga kerjasama antara pihak pengurusan Universiti dan MPP ini dapat diteruskan demi kebaikan kita semua khususnya kepada UTeM tercinta.

Gajah perang melawan gajah,

Asyik dilihat si anak rusa,
MPP baru melangkah gagah,
Hasrat hati menabur jasa,

Sekian wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum wr. wbth.

Terima kasih.



جامعة تكنولوجيا ملاكا

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA